

GARIS PANDUAN KRITERIA PENERBITAN JURNAL

Pusat Sitasi Malaysia (PSM) menyediakan Garis Panduan Kriteria Penerbitan Jurnal bertujuan membantu penerbit dan pengarang menerbitkan jurnal dan artikel berkualiti yang memenuhi standard antarabangsa. Jurnal yang memenuhi kriteria di bawah adalah berpotensi untuk diindeks di dalam MyCite dan seterusnya diperakukan untuk diindeks ke dalam pangkalan data antarabangsa. Kriteria jurnal yang perlu diikuti setiap penerbit jurnal adalah seperti berikut:

KRITERIA PENERBITAN JURNAL	PERINCIAN
1. Standard Asas (Basic Standard)	<p>a. Ketepatan Masa (<i>Timeliness</i>)</p> <p>Jurnal yang diterbitkan perlu mengikut frekuensi yang telah ditetapkan atau bulan yang dinyatakan.</p> <p>Contoh: Jurnal yang diterbitkan setiap 3 bulan sekali perlu diterbitkan mengikut masa yang ditetapkan.</p>
	<p>b. Jangka masa (<i>Lifetime</i>)</p> <p>Jurnal telah diterbitkan sekurang-kurangnya 3 tahun terkini dan berturut-turut.</p> <p>Contoh: Jurnal telah diterbitkan dari tahun 2011-2013 dan tiada <i>issue/volume</i> jurnal yang tertinggal di antara tiga tahun berkenaan.</p>
	<p>c. Mematuhi Konvensyen Editorial Antarabangsa (<i>International Editorial Conventions</i>)</p> <p>Jurnal mempunyai maklumat bibliografik artikel yang lengkap (tajuk, abstrak, kata kunci, rujukan dan afiliasi semua pengarang).</p>
	<p>d. Bahasa (<i>Language</i>)</p> <p>Semua artikel yang ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa lain mesti menyediakan tajuk, abstrak dan kata kunci dalam bahasa Inggeris.</p>
	<p>e. ISSN / E-ISSN (<i>ISSN / E-ISSN</i>)</p> <p>Jurnal bercetak perlu mempunyai ISSN (<i>International Standard Serial Number</i>) atau E-ISSN bagi yang diterbitkan secara atas talian.</p>
	<p>f. Kawalan Kualiti (<i>Quality Control</i>)</p> <p>Jurnal perlu menyatakan yang ia mengamalkan proses pewasitan (<i>peer-review</i>) dan mempunyai kawalan kualiti editorial</p>

KRITERIA PENERBITAN JURNAL	PERINCIAN	
2. Liputan (Coverage)	a. Penerbit Tempatan (<i>Local Publisher</i>)	Jurnal diterbitkan di Malaysia dan mempunyai ISSN/E-ISSN yang berdaftar di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)
	b. Subjek (<i>Subject</i>)	Jurnal menyatakan dengan jelas subjek dan bidang yang diberi fokus utama
	c. Kandungan (<i>Content</i>)	Artikel perlu bersifat ilmiah dengan sebahagian substantif terdiri daripada kertas penyelidikan
3. Editor (Editor)	a. Editorial (<i>Editorial</i>)	Jurnal menyenaraikan sidang editor / lembaga editor berserta afiliasi dalam laman web jurnal
4. Kepelbagaian Antarabangsa/ Serantau (International/ Regional Diversity)	a. Pengarang (<i>Author</i>)	Pengarang yang menyumbang artikel untuk jurnal perlu terdiri daripada pelbagai negara. Dengan penglibatan pengarang pelbagai negara, ia akan dapat meningkatkan audiens dan sumbangan penyelidikan bagi masyarakat antarabangsa dan serantau.
	b. Penilai (<i>Reviewer</i>) / Lembaga Editor (<i>Editorial Board</i>)	Kepelbagaian antarabangsa atau serantau bagi Penilai dan Lembaga Editor jurnal penting sebagai petunjuk bahawa artikel jurnal yang diterbitkan telah disemak oleh individu yang mahir atau pakar dalam bidang yang diliputi oleh jurnal. Ini akan menggalakkan penyertaan antarabangsa atau serantau yang berterusan.
5. Kepelbagaian Organisasi (Organization Diversity)	a. Penilai (<i>Reviewer</i>) / Lembaga Editor (<i>Editorial Board</i>)	Penilai dan Lembaga Editor jurnal perlu terdiri daripada pakar daripada organisasi luar (selain daripada pakar daripada organisasi penerbit jurnal tersebut). Dengan penglibatan penilai daripada pelbagai organisasi, ia akan membuktikan artikel yang dinilai diiktiraf oleh organisasi luar.
6. Faktor Kebolehcapaian (Accessibility Factor)	a. Mempunyai Laman sesawang atau wujud dalam enjin carian di Internet. (<i>Website and Web</i>)	Jurnal mempunyai laman web atau wujud dalam enjin carian di Internet. Ini bagi menunjukkan bahawa kewujudan jurnal kepada pengguna

KRITERIA PENERBITAN JURNAL	PERINCIAN	
	<i>Presence)</i>	Teks artikel penuh boleh dicapai melalui web
7. Mendapat Sitasi dari pangkalan data pengindeksan (<i>Citedness from other indexing database</i>)	a. Sitasi jurnal dalam pangkalan data antarabangsa (<i>Journal citations in international databases</i>)	Jurnal mendapat sitasi dalam pangkalan data antarabangsa iaitu WoS dan Scopus
		Jurnal mendapat sitasi dalam pangkalan data antarabangsa iaitu PubMed/CiteSeer/Lain-lain
	b. Sitasi jurnal dalam pangkalan data tempatan (<i>Journal citations in local database</i>)	Jurnal mendapat sitasi dalam pangkalan data MyCite